



07 FEB, 2025

## KERAJAAN TIDAK PERNAH BERDOLAK-DALIK

Wilayahku, Malaysia



Page 1 of 2

Isu kenaikan tarif elektrik Julai ini

# KERAJAAN TIDAK PERNAH BERDOLAK-DALIK

**S**ATU dakwaan yang tidak tepat apabila terdapat segelintir netizen menuduh kerajaan tidak konsisten dalam menangani isu kenaikan tarif elektrik yang mencetuskan kekeliruan dalam kalangan rakyat.

Pendek kata, mereka menuduh kerajaan berdolak-dalik membuat keputusan mengenai isu ini.

Dakwaan ini semakin kecoh apabila terdapat sesetengah pihak mendakwa kononnya kekeliruan ini timbul susulan tindakan kerajaan yang berubah-ubah dalam kenyataan berhubung kenaikan tarif yang dikatakan akan berlaku Julai ini.

Kata mereka, kerajaan juga sebelum ini menafikan kenaikan tersebut sebelum sekali lagi memberi bayangan bahawa pelarasan akan tetap berlaku tetapi tanpa melibatkan isi rumah.

Bukan itu sahaja, mereka juga mendakwa tidak melihat perancangan yang baik oleh kerajaan berkaitan hal ini. Misalnya, mempertikaikan kerajaan memberi jaminan kepada pemain industri bahawa sebarang kenaikan tarif elektrik pada separuh kedua tahun ini tidak akan membebankan atau merugikan komuniti perniagaan.

Dalam masa yang sama, mereka memperlekehkan sejauh mana kebenaran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang pernah menegaskan isi rumah berpendapatan rendah tidak terjejas oleh semakan tarif yang dijadualkan nanti.

Sebelum menuduh kerajaan tanpa usul periksa, anda perlu tahu bahawa sejumlah 85 peratus rakyat di negara ini tidak akan terkesan dengan kenaikan kadar tarif elektrik yang bakal berkuat kuasa bermula Julai tahun ini.

Menurut Anwar, kenaikan kadar tarif elektrik itu hanya melibatkan sektor industri mengikut kaedah Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) serta



ANWAR menegaskan sejumlah 85 peratus rakyat tidak akan terkesan dengan kenaikan kadar tarif elektrik.  
Foto: Jabatan Penerangan

sebahagian golongan berpendapatan tinggi.

Katanya, kenaikan kadar tarif elektrik pada kadar kurang daripada 14 peratus itu disifatkan munasabah dalam usaha kerajaan menambah peruntukan bagi pembangunan seperti sekolah dan hospital.

"Kita kena terima kenyataan kenaikan tarif yang munasabah bagi industri dan golongan maha kaya ini. Saya sebut depan peniaga-peniaga semalam, kita tidak akan tolak ansur, kita terpaksa naikkan, tetapi tidak melibatkan 85 peratus rakyat, dengar betul-betul," katanya dalam Sesi Pertanyaan Menteri pada sidang Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Anwar berkata demikian bagi menjawab soalan

tambahan Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Faysal Wan Ahmad Kamal yang mendakwa kerajaan seperti 'flip flop' berhubung dasar kenaikan tarif elektrik sehingga mengelirukan banyak pihak.

Sementara itu, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sudah menegur Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung pengumuman kenaikan kadar tarif elektrik sebelum ini yang dibuat secara umum.

"Saya katakan kita patut cerakinkan, apa dia untuk kategori yang dinaikkan. Jadi saya tegaskan semula kenaikan kadar elektrik untuk industri akan berlaku mengikut kaedah ICPT mulai Julai ini," jelasnya.